

Tanda-tanda banjir mula kelihatan di Pahang

JERANTUT 25 Nov. - Beberapa petunjuk awal musibah banjir akan melanda negeri ini semakin jelas apabila beberapa kawasan di Jerantut, Lipis dan Raub sudah dinaiki air hari ini.

Di Jerantut, jalan raya ke Kampung Paya Garuk dinaiki air sedalam kira-kira dua meter selepas hujan lebat kira-kira pukul 11 malam tadi menyebabkan air Sungai Pahang melimpah memasuki Sungai Garuk berdekatan kampung itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* sehingga pukul 11 pagi ini mendapati laluan itu masih tidak boleh dilalui kenderaan dan penduduk memilih jalan alternatif iaitu kawasan hutan dan ladang menggunakan motosikal.

Salah seorang mangsa banjir, Shahrudin A. Karim, 48, berkata, dia terpaksa menangguhkan hasrat untuk keluar ke bandar Jerantut kerana tiga kawasan rendah di jalan raya berkenaan masih ditenggelami air.

"Hujan lebat tiga hari berturut-turut pada sebelah petang hingga ke waktu malam menyebabkan air Sungai Pahang naik dari paras biasa dan memasuki anak sungai sehingga laluan tenggelam.

"Kebiasaannya, jika Kampung Paya Garuk dinaiki air dan ini merupakan petanda kemungkinan musibah banjir seperti tahun lalu akan berlaku dan mereka yang tinggal di tempat lain perlu berwaspada," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, di Lipis, Kampung Beletik, Jelai antara kawasan pertama dinaiki air menyebabkan sebuah keluarga seramai lapan orang terpaksa berpindah dan menumpang di rumah saudara.

Ketua Polis Lipis, Superintenden Abdul Razak Hassan berkata, turut terperangkap dalam kejadian itu ialah pelajar Sekolah Menengah



PENDUDUK memindahkan ahli keluarga dari rumah yang dinaiki air banjir kilat di Felda Tersang 3, Raub, Pahang, semalam. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Agama (SMA) Padang Tengku yang sepatutnya menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada pagi ini.

"Polis terpaksa menggunakan bot untuk membawa keluar pelajar berkenaan pada pukul 9 pagi ini dan kemudian mereka dibawa dengan van sekolah untuk menduduki peperiksaan SPM," ujarinya.

Di Raub, kira-kira 2,000 penduduk Felda Tersang 1, Felda Tersang 2 dan Felda Tersang 3, melalui detik-detik cemas apabila kawasan penempatan mereka dilanda banjir kilat setelah hujan lebat selama sejam bermula pukul 5.30 petang semalam.

Kejadian banjir kilat itu menyebabkan jalan masuk dari Felda Tersang ke Raub tidak boleh dilalui kenderaan ringan termasuk motosikal sehingga menimbulkan kesesakan lalu lintas malam tadi.

Salah seorang penduduk Felda Tersang 3, Sabri Othman, 56, berkata, dia terkejut kerana sejak 30 tahun Felda itu dibuka, inilah pertama kali banjir melanda kawasan berkenaan.

"Ketika bersiap-siap hendak ke masjid, saya diberitahu oleh jiran mengenai banjir kilat melanda kawasan perkampungan ini dan segera keluar untuk melihat keadaan sebenar," katanya.